

19/09/1999

Apec akhirnya tunduk kepada realiti sebenar

Khaidir Abdul Majid

FORUM Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) selepas tiga tahun berdegil untuk mempertahankan pasaran bebas yang tidak terbatas akhirnya tunduk juga kepada realiti sebenar.

Iaitu realiti yang memerlukan ia menerima hakikat bahawa pasaran juga perlu dibendung untuk menjamin masa depan yang lebih stabil.

Perubahan pendirian Apec itu yang ditunjukkan pada akhir mesyuarat pemimpinnya di Auckland, New Zealand Selasa lalu sangatlah mendadak jika diambil kira sikapnya sejak tercetus krisis mata wang di Asia pada Julai 1997.

Apec yang turut dianggotai negara maju seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand, sebelum ini mencerminkan sikap Barat, iaitu pasaran bebas mesti dipertahankan.

Meskipun, rakan Apec mereka di Asia amat tertekan dengan 'pasaran bebas' yang sudah mula memakan diri itu, negara maju anggota Apec, kecuali Jepun, masih tidak mepedulikannya.

Malah, jika ada pihak yang cuba mengetengahkan pendapat bahawa pasaran bebas perlu dibendung, mereka akan dikecam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah antara mereka yang dikecam kerana pandangannya terhadap spekulator mata wang. Beliau adalah antara yang mula menyuarakan bahawa kegiatan spekulator mata wang perlu dibendung jika krisis mata wang benar-benar mahu diselesaikan.

Namun usaha untuk mengetengahkan pandangan itu pada mesyuarat pemimpin Apec di Vancouver, Kanada pada November 1997, disambut pula dengan 'ceramah' mengenai kebaikan pasaran bebas oleh negara maju.

Malah pada mesyuarat itu, Mexico (anggota Apec) yang baru saja pulih daripada krisis mata wangnya dipelawa oleh negara Barat untuk berceramah mengenai usaha pemulihannya.

Meskipun sambutan dingin, Malaysia tetap cekat untuk mengubah pandangan Barat pada mesyuarat pemimpin Apec seterusnya di Kuala Lumpur tahun lalu.

Malaysia berpendapat kegiatan spekulator itu yang tidak terbatas membawa kepada suasana yang tidak menentu di pasaran. Spekulator yang hanya mengejar keuntungan besar itu keluar dan masuk dalam pasaran tanpa mengira kesan yang dibawa oleh kegiatan mereka.

Ketika kegiatan mereka itu memuncak pada pertengahan 1997, mata wang Asia menjadi sasaran. Spekulator mata wang pada ketika itu menganggap nilai mata wang beberapa negara Asia tidak seimbang dengan kukuh kewangan negara berkenaan. Mereka menganggap keadaan itu adalah sebagai peluang bagi mereka mencari untung besar kerana mata wang terbabit terdedah kepada serangan jualan. Berikutan itu, baht Thailand menjadi sasaran pertama dan mata wang itu jatuh mendadak sehingga pihak berkuasa negara itu terpaksa mengapungkan nilainya yang menyebabkan ia jatuh kepada nilai yang agak rendah.

Selepas Thailand, kesan 'tomyam' berkenaan melarat ke negara Asia lain, termasuk Malaysia yang meskipun kedudukan kewangannya kukuh ketika itu, tetap diserang dan nilai mata wangnya jatuh bersama-sama negara Asia lain.

Apabila disaran supaya membendung kegiatan spekulator itu, negara maju seperti Amerika Syarikat tidak mepedulikannya. Negara itu berpendapat bahawa pasaranlah mekanisme terbaik dalam mencari perseimbangan. Mereka menganggap kegiatan spekulator itu adalah sebahagian daripada kuasa pasaran dalam mencari perseimbangan.

Pandangan itu bagaikan pemisah antara negara yang terjejas ekonominya

oleh spekulator mata wang dan negara yang tidak atau belum terjejas oleh kegiatan itu.

Pertentangan itu nampaknya belum ada jambatan penghubung. Spekulator tetap dianggap antara kuasa pasaran yang sesuai untuk mendisiplinkan negara yang lemah dalam menguruskan kedudukan kewangannya.

Meskipun agak jelas, spekulator hanya berminat kepada keuntungan dan bukannya niat murni untuk 'mendisiplinkan' negara yang tersasar, negara maju tetap dengan pendiriannya untuk mempertahankan kegiatan berkenaan sehinggalah Amerika sendiri terkesan oleh spekulator itu. Kerapuhan syarikat spekulator menyerlah apabila Long Term Capital Management (LTCM), sebuah syarikat lindung nilai di Amerika hampir muflis berikutan kegiatan spekulasinya yang melampau.

LTCM seperti kebanyakan syarikat lindung nilai dibiayai oleh hutang yang begitu tinggi yang diberikan oleh pelabur dan bank di Amerika Syarikat. Syarikat seperti itu yang digelar institusi hutang tinggi atau Highly Leveraged Institution (HLI) antara lain terbabit dengan kegiatan spekulasi yang walaupun berisiko tinggi tetapi mampu memberi pulangan besar. Oleh kerana didokong oleh tokoh ternama, termasuk pemenang hadiah nobel, LTCM diyakini oleh pelabur dan bank dan dianggap satu pelaburan yang baik. Berikutan itu, syarikat itu bersama-sama HLI lain diberi kemudahan pinjaman besar untuk menjalankan kegiatannya seperti spekulasi mata wang.

Namun, sependai-pandai tupai melompat, akhirnya terjerat juga LTCM dengan kegiatan spekulasinya. Berikutan kerugian yang dialaminya, syarikat itu tidak mampu membayar hutangnya. Oleh kerana jumlah pinjamannya agak besar dan membabitkan beberapa bank utama, masalah yang dihadapinya itu dianggap membawa risiko sistemik, iaitu risiko yang boleh berjangkit ke seluruh sistem kewangan sesebuah negara. Berikutan itu, pejabat bank pusat Amerika di New York bergegas mencari usaha untuk menyelamatkan institusi kapitalis berkenaan dengan suntikan wang tambahan.

Berikutan peristiwa LTCM itu, sudah nampak perubahan sikap negara maju terhadap krisis mata wang yang dihadapi Asia.

Namun tidak sehingga mesyuarat pemimpin Apec di Auckland, pendirian itu tidak menyentuh kepada perakuan bahawa kegiatan spekulasi perlu dibendung.

Di bandar utama di New Zealand itu, Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, sendiri mencerminkan perubahan sikap itu. Ketika berucap pada satu sidang Ketua Eksekutif yang diadakan sebagai acara sampingan mesyuarat pemimpin Apec di Auckland itu, Clinton mengakui pihaknya sedang mencari cara baru untuk menyederhanakan kitaran turun dan naik pasaran yang begitu mendadak.

Tanpa menyentuh mengenai kegiatan spekulator, beliau berkata adalah menjadi satu kesilapan jika kita berpuas hati dengan pemulihan ekonomi yang ditunjukkan sekarang tanpa meneruskan usaha untuk membentuk kerangka baru sistem kewangan antarabangsa.

Deklarasi Auckland yang dikeluarkan selepas mesyuarat pemimpin Apec itu juga menyuarakan pandangan sama. Ia menekankan betapa perlunya usaha segera untuk membendung kegiatan HLI.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewakili Dr Mahathir pada mesyuarat pemimpin itu, berkata beliau menganggap perubahan sikap negara maju terhadap krisis mata wang yang melanda Asia amat memberi kepuasan kepada Malaysia yang selama ini memperjuangkan supaya kerangka baru sistem kewangan antarabangsa dibentuk untuk menjamin pasaran tidak mudah bergolak lagi dengan kegiatan spekulator.

"Malaysia memang memainkan peranan utama dalam usaha untuk mereformasikan kerangka kewangan antarabangsa. Saya amat berpuas hati apabila melihat pemimpin negara Apec secara spontan terbabit dalam perbincangan ketika pengerusi mesyuarat pemimpin forum itu memulakan perbincangan mengenai perkara itu.

"Pada mesyuarat itu, pandangan yang menyatakan kebimbangan terhadap kegiatan HLI dan pedagang spekulasi dalam mencetuskan krisis mata wang di beberapa negara anggota Apec, agak menyeluruh," katanya ketika memberi taklimat mengenai perjalanan perbincangan mesyuarat pemimpin Apec itu kepada wartawan Malaysia di Auckland, Selasa lalu.

Malah, pada mesyuarat itu, pemimpin Apec mengakui bahawa selagi sistem kewangan antarabangsa terus tidak menentu, langkah kawalan modal seperti yang dilaksanakan Malaysia akan terus menjadi pilihan dasar ekonomi.

Berikutan perubahan sikapnya itu, mesyuarat pemimpin Apec itu yang terakhir untuk alaf ini, mungkin menyelamatkan forum itu daripada menjadi tidak relevan. Ia seolah-olah akhirnya bersetuju bahawa jika krisis mata wang yang melanda beberapa negara anggotanya tidak benar-benar diatasi, tidak mungkin kestabilan dapat muncul semula.

Jika kestabilan itu tidak muncul tidak mungkin usaha membina keupayaan atau capacity building yang dilaung-laungkan Apec akan berhasil. Jika usaha pembinaan keupayaan itu tidak berhasil tidak mungkin Apec dapat mencapai sasarannya untuk membuka pasaran negara anggotanya pada 2010 untuk negara maju dan 2020 bagi negara membangun.

Akhirnya, Apec menyedari ia tidak mempunyai pilihan selain menyokong usaha untuk membentuk kerangka baru sistem kewangan antarabangsa yang boleh menjamin krisis mata wang yang dibawa oleh spekulator tidak akan berulang lagi.

(END)